

Buletin IQRA'

2026

Bil. 1/2026 - Januari • eISSN: 2735-1920

LAWATAN PENSYARAH PENYELIA LATIHAN INDUSTRI FAKULTI SAINS MAKLUMAT



9 Januari 2026. Pelawat pertama tahun 2026 oleh pensyarah penyelia latihan industri Fakulti Sains Maklumat iaitu Dr. Hanis Diyana binti Kamarudin, Dr. Wan Satirah binti Wan Mohd Saman dan Puan Aniza binti Jamaluddin memperkukuh hubungan strategik antara universiti dan industri, di samping memastikan hasil pembelajaran dengan 9 orang pelajar latihan industri selari dengan objektif program pengajian.

Hasrat lawatan ini adalah untuk pensyarah penyelia mengadakan sesi perbincangan diketuai Encik Ahmad Amiri Mohamad, Pengarah Bahagian Arkib Universiti bagi menilai prestasi, skop tugas, persekitaran kerja dan tahap profesionalisme pelajar. Maklum balas dua hala yang diperoleh membantu fakulti menilai kesesuaian penempatan serta mengenal pasti ruang penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti latihan industri pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, lawatan ini bukan sahaja menyokong pembangunan kemahiran praktikal dan insaniah pelajar, malah memperkukuh peranan Fakulti Sains Maklumat dalam melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing dan relevan dengan keperluan industri semasa.





@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

*Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam*